



SEKOLAH MENENGAH JENIS KEBANGSAAN YOK BIN

JENIS PEPERIKSAAN : PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM  
TAHUN 2024

MATA PELAJARAN : BAHASA MELAYU KERTAS 1  
MASA : 2 JAM

NAMA CALON :

TINGKATAN 5

MARKAH :

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU.

**ARAHAN :**

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.**
2. Jawab soalan **Bahagian A** dan satu soalan daripada **Bahagian B.**
3. Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan.
4. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.
5. Kertas jawapan hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa

Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	30	
B	1	70	
	2		
	3		
	4		
JUMLAH		100	

Kertas peperiksaan ini mengandungi 4 halaman bercetak.

## Bahagian A

[30 markah]

Soalan ini mesti dijawab.


Petikan di bawah berkaitan dengan warisan budaya.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang warisan budaya di negara kita.

Panjang huraian hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

Malaysia sebuah negara yang terdiri daripada masyarakat majmuk memiliki warisan budaya bangsa yang pelbagai dan menarik. Namun begitu, dari hari ke hari, warisan budaya bangsa semakin dilupakan oleh ahli masyarakat kita sendiri. Usaha mengekalkan warisan budaya bangsa adalah dengan memberi penekanan yang lebih kepada pendidikan warisan budaya bangsa di sekolah. Selain itu, menjaga dan memulihara tempat-tempat bersejarah yang menjadi sebahagian daripada warisan budaya kita.

Sumber : *Internet*



## BAHAGIAN B

(70 markah)

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 sehingga 500 patah perkataan.

### Soalan 1

Ke pasar tamu membeli halia,  
Beli bersama semangkuk laksa;  
Orang berilmu sangatlah mulia,  
Dikasihi orang setiap masa.

Tinggi menegak si pohon jati,  
Tempat burung hinggap berteduh;  
Ilmu itu pelita hati,  
Kelak hidup akan tersuluh.

Pak Leman ke pasar tamu,  
Singgah membeli sebilah parang,  
Bersyukurlah tuan punyai ilmu,  
Kelak tidak dibodohkan orang.

Sumber : *Internet*

Pantun di atas menyatakan kepentingan ilmu dalam kehidupan.

Huraikan kepentingan-kepentingan tersebut.

### Soalan 2

Setiap individu mengimpikan tubuh yang sihat dan cergas agar dapat memberikan keselesaan kepada diri untuk melakukan pelbagai aktiviti harian. Selain dapat mencegah diri daripada penyakit, gaya hidup sihat juga memberikan impak positif kepada produktiviti dan kualiti hidup secara keseluruhan kerana tubuh yang sihat dan minda yang cerdas membolehkan individu bekerja dengan lebih efisien.

Sumber : *Internet*

Berdasarkan petikan di atas, anda dikehendaki menyampaikan ceramah tentang "Kepentingan Menjaga Kebersihan Diri dan Mengamalkan Gaya Hidup Sihat".

Tulis ceramah anda selengkapnya.

Soalan 3

"Semangat perpaduan perlu bermula dari sekolah seiring dengan usaha untuk memupuk nilai-nilai keharmonian antara kaum," titah Sultan Johor Sultan Ibrahim Almarhum Sultan Iskandar. Menurut baginda, sistem pendidikan memainkan peranan yang penting bagi mewujudkan perpaduan dalam kalangan rakyat yang terdiri daripada pelbagai kaum di negara ini.

Sumber : *Astro Awani*

Sebagai respons daripada petikan di atas, bincangkan langkah-langkah untuk memupuk perpaduan dalam kalangan murid di sekolah.

Soalan 4

KUALA LUMPUR: Penganjuran Karnival Minggu Sains Negara (MSN) 2024 diteruskan pada tahun ini sejak dimulakan pada 2018 dengan sasaran memupuk minat murid sekolah terhadap bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM). Usaha tersebut merupakan komitmen Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bagi membudayakan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) dalam kehidupan rakyat Malaysia secara berterusan. Menurut Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Chang Lih Kang, setiap program yang disusun menyasarkan pelibatan pelbagai pihak berkepentingan seperti murid sekolah, pelajar institusi pengajian tinggi dan pihak industri.

Sumber : *Utusan Malaysia*

Huraikan peranan pelbagai pihak dalam memupuk minat murid sekolah dalam bidang STEM.